

# TINDAKAN KOMUNIS DI NEGARA KITA

## MELUMPUHKAN EKONOMI

- Lombong bijih timah dan ladang getah menjadi sasaran utama bertujuan melemahkan ekonomi British.
- 80 lombong bijih di Perak, Selangor dan Negeri Sembilan diserang dari tahun 1948 – 1956.
- Komunis merosakkan pokok getah, kilang estet, rumah asap, rumah kongsi, kedai dan sekolah.
- Mereka membunuh pekerja lombong dan pekerja ladang getah sehingga mengganggu kerja harian.
- Kesannya pekerja lombong dan ladang menderita. Kerja harian di lombong dan ladang terganggu dan mengancam nyawa.

## MEROSAKKAN INFRASTRUKTUR

- Komunis mensabotaj sistem pengangkutan dan perhubungan.
- Mereka mengebom, merosakkan dan mengalihkan landasan kereta api. Kenderaan di jalan raya ditembak dan dibakar.
- Mereka mensabotaj kemudahan telefon dan telegraf serta merosakkan paip air.
- Komunis menyerang pekerja awam yang bertugas membaiki jalan raya, memasang paip air, membina sistem pengairan dan pekerja yang menjalankan penyelidikan di tapak skim hidroelektrik.
- Hal tersebut menjejaskan kehidupan harian penduduk tempatan kerana infrastruktur tidak dapat diselenggara dengan baik.

## MENGANCAM KESELAMATAN RAKYAT

- Komunis menggugat, mensabotaj, menyerang, melakukan kekejaman, menganiaya, menculik, merampas, membakar harta benda dan membunuh penduduk yang enggan memberi kerjasama.
- Komunis mencampakkan bom tangan di Sheum Circus, Kampar, Perak pada malam 5 Julai 1949 menyebabkan empat orang mati dan 46 orang cedera parah.



## MENGANCAM PASUKAN KESELAMATAN

- Komunis telah menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis.
- Tindakan tersebut telah mencetuskan huru-hara dan menunjukkan ketidakupayaan kerajaan untuk melindungi keselamatan penduduk.

